

Tiga kampung ditenggelami air, 43 penduduk dipindahkan

Bagan Serai: Seramai 43 penduduk daripada 11 keluarga di tiga kampung di sini, ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak selepas kediaman mereka ditenggelami limpahan Sungai Kerian.

Pegawai Daerah Kerian, Datuk Hamzah Hussin, berkata hujan lebat sejak beberapa hari lalu menyebabkan paras Sungai Kerian naik mendadak dan melimpah ke kawasan rumah penduduk berhampiran.

“Tiga kampung terbabit adalah Kampung Matang Tengah, Parit Air Hitam 1 dan Parit Air Hitam 2 dengan penduduk dipindahkan secara berperingkat mulai jam 3 petang semalam (kelmarin),” katanya selepas meninjau perkampungan dan pusat pemindahan mangsa banjir di SK Changkat Lobak di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Bagan Serai, Dr Noor Azmi Ghazali.

Aliran sungai tidak sempurna

Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian, Hasmi Mat, berkata aliran sungai yang tidak sempurna dan disusuli hujan lebat menyebabkan banjir.

Di **Simpang Renggam**, seramai 134 mangsa banjir membabitkan 31 keluarga masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan sehingga petang semalam.

Pegawai Daerah Kluang, Muhamad Fuad Radzuan, berkata setakat jam 5 petang, mangsa banjir dari tiga kampung itu ditempatkan di Dewan Kampung Kolam Air, Balai Raya Kampung Seri Maju Jaya dan Dewan Kampung Ithnin Maarof.

Katanya, keadaan banjir semakin pulih dan paras air mulai surut sejak awal pagi.

“Jika cuaca bertambah baik, mangsa banjir boleh membuat persiapan pulang ke kediaman masing-masing,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Fuad berkata, paras Sungai Benut dan Sungai Machap masing-masing mencatat bacaan 5.1 meter dan 16.92 meter manakala sungai lain turut kembali ke paras normal.